

[Laman utama](#)

Sesi Meet and Greet Perpustakaan UiTM Bersama Dekan dan Pengurusan Fakulti Sains Gunaan UiTM (FSG)


Perpustakaan UiTM · Julai 03, 2025 · 0 Ulasan



FOLLOW US



TOTAL PAGEVIEWS



KETUA PUSTAKAWAN UITM



Ts. Haji Azizi bin Haji Jantan

Tarikh: 03 Julai 2025 (Khamis)**Masa:** 2.30 petang – 4.30 petang**Tempat:** Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Sains Gunaan, UiTM Shah Alam

Sebagai salah satu inisiatif strategik dalam memperkukuh hubungan kerjasama dan memperluas jangkauan perkhidmatan perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan sesi **Meet and Greet** bersama pihak pengurusan Fakulti Sains Gunaan (FSG), UiTM Shah Alam. Sesi ini merupakan satu usaha proaktif ke arah memperkukuh budaya ilmu, menggalakkan pembacaan berimpak tinggi serta meningkatkan keterlibatan fakulti dalam inisiatif perpustakaan sejajar dengan aspirasi universiti.

Program ini diketuai oleh **Pengarah Perpustakaan UiTM, En. Ahamad Zuber**, dengan kehadiran seramai **tujuh (7) pegawai kanan PTAR**. Pihak Fakulti pula diwakili oleh **Prof. Ts. Dr. Mohd Rozi Ahmad**, Dekan FSG bersama **enam (6) orang barisan pengurusan fakulti** yang turut memberi sokongan penuh terhadap inisiatif ini.

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Fokus Perbincangan dan Pembentangan:

Antara pengisian utama sesi ini adalah seperti berikut:

1.

Pengenalan dan Pembentangan Perkhidmatan Perpustakaan UiTM

Menyentuh aspek akses kemudahan fizikal dan digital, sokongan penyelidikan, pinjaman silang kampus, perkhidmatan rujukan, serta perkhidmatan Subject Librarian yang disesuaikan mengikut bidang pengajian.

2.

Kempen Program Galakan Membaca “1 Warga, 24 Naskah”

Penerangan mengenai mekanisme untuk menyokong petunjuk prestasi universiti (PI 145 – Knowledge Society), melalui pemantapan budaya membaca warga kampus dan penggunaan platform Sistem PERMATA dan MyReading.

3.

Inisiatif Pembudayaan Ilmu dan Literasi Maklumat

– Menyokong PI 146 dengan pelaksanaan Reading Corner, Speakers' Corner, penganjuran aktiviti berbentuk resensi buku serta wacana ilmiah secara berterusan.

4.

Penerangan mengenai pengurusan Sistem Turnitin

– Sebagai alat sokongan akademik dalam menilai keaslian penulisan dan mengelakkan amalan plagiat dalam kalangan pensyarah dan pelajar.

5. Penerangan Fungsi Self-Material Deposit untuk pensyarah

– Penjelasan tentang proses pemindahan bahan akademik seperti nota kuliah, artikel, dan slaid ke dalam repositori universiti.

6.

Penerangan Inisiatif Memori UiTM

– Usaha pendigitalan sejarah institusi dan dokumentasi penting fakulti dalam platform arkib digital UiTM.

7.

Pengenalan Briged Sukarelawan PTAR

Menyediakan peluang kepada warga fakulti untuk terlibat dalam aktiviti khidmat masyarakat dan promosi literasi melalui pasukan sukarelawan perpustakaan. Penglibatan pelajar di fakulti juga dimaklumkan.

Cadangan dan Maklum Balas daripada Fakulti:

Pihak pengurusan FSG turut memberikan cadangan bernas ke arah penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan, antaranya:

1. Pengintegrasian Automatik Bahan Bacaan MyReading untuk Pensyarah

Cadangan agar sistem MyReading membolehkan senarai rujukan bagi penerbitan yang telah diterbitkan di integrasi atau dimasukkan didlam MyReading mereka.

2. Taklimat Khas Penggunaan Self Material Deposit dan MyReading

Pelaksanaan sesi latihan dan taklimat untuk pensyarah dan pelajar bagi memantapkan penggunaan platform digital tersebut.

Sesi ini bukan sahaja membuka ruang perbincangan yang konstruktif, malah turut memperkukuhkan kerjasama strategik antara PTAR dan FSG ke arah memperkasakan perkhidmatan maklumat, pembudayaan ilmu dan kempen membaca berimpak tinggi di UiTM.



Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ADDITIONAL INFORMATION

UiTM Hari Ini Dalam Sejarah

Archive Collection

Corporate Memory

Galeri Tun Abdul Razak

UITM NEWS HUB

UiTM Pahang Perkasakan Kebolehpasaran Graduan Menerusi Program Pemerkasaan Laluan Kerjaya Bersama PERKESO - 8/8/2026

Kolaborasi Antarabangsa UiTM Tapah Perkasakan Penguasaan Fizik Pelajar Melalui Program 'Level Up Your Physics' - 8/8/2026

UiTM Selangor Rangkul Naib Johan Kedua di I-TIE 2026 Indonesia Menerusi Inovasi AI SiswaBites - 8/20/2026

UITM INSTITUTIONAL REPOSITORY (LATEST ADDITION)

A call for policy reform in COPD management in Malaysia: expert opinions and recommendations - 9/8/2026
Aerotech Co. - 9/8/2026
MaBox - 9/8/2026

FACEBOOK KETUA PUSTAKAWAN UITM

#MalaysiaMembaca #UiTMMembaca #KnowledgeSociety #PTARUiTM
#MembacaMakananJiwa

Layari : <https://www.facebook.com/share/p/1RjvYyndVv/>



LINKS TO THIS POST



PTAR Perkukuh Jaringan Global, Terima Kunjungan 75 Delegasi Prince of Songkla University, Thailand

🕒 September 07, 2026



Lawatan Kerjasama Strategik PTAR ke INSKEN

🕒 August 18, 2026



Kemas kini Data h-index dan Citation Anda Dalam Masa 5 Minit di PERMATA Perpustakaan UiTM

🕒 August 18, 2026

POST A COMMENT

FACEBOOK PERPUSTAKAAN UITM

INSTAGRAM PERPUSTAKAAN UITM

TWITTER PERPUSTAKAAN UITM

[Tweets by uitmlibrary](#)

MOBILEAPP@UITM LIBRARY



MYKNOWLEDGE MANAGEMENT (MYKM)



BLOG ARCHIVE

2026	(123)
2025	(209)
2024	(430)
2023	(175)
2022	(145)
2021	(485)
2020	(572)
2019	(261)
2018	(285)
2017	(215)
2016	(178)
2015	(152)
2014	(47)
2013	(56)
2012	(74)

2011	(134)
2010	(55)
2009	(30)
2008	(2)

POPULAR POSTS



Quote of the day

🕒 Mei 07, 2020



Kertas Soalan Peperiksaan Lepas (Past Year Exam Paper) UiTM Jun 2012

🕒 September 12, 2012



Kemas kini Data h-index dan Citation Anda Dalam Masa 5 Minit di PERMATA Perpustakaan UiTM

🕒 Ogos 18, 2026



Permata Indah Klang Bandar Di Raja : Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz

🕒 Julai 11, 2024



Selamat Menyambut Hari Pustakawan 2017

🕒 Jun 06, 2017

AMANAT HALA TUJU PERPUSTAKAAN UITM 2024

LIVE@PTAR UITM